

**PERANAN DAN PENGLIBATAN  
PENGAMAL PERUBATAN SWASTA  
DALAM PENGENDALIAN  
PANDEMIK COVID-19**

# Keperluan Perundangan

- Pengamal perubatan berdaftar yang berkhidmat di fasiliti kesihatan swasta yang diturunkan kuasa di bawah seksyen 6(1) Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2021 [*P.U.(A) 12/2021*] dalam mengeluarkan arahan rawatan, imunisasi, pengasingan, pemerhatian atau pengawasan di bawah perenggan 11(3)(a) dan (b) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [*Akta 342*].

## TINDAKAN

- Perlu senarai pengamal perubatan swasta yang hendak bekerjasama
  - Nama
  - Nombor MMC
  - Nombor telefon
  - Alamat tempat amalan

# **Objektif**

- Mengoptimakan penjagaan kes positif COVID-19 dengan penglibatan pengamal perubatan swasta dalam mencegah dan mengawal penularan jangkitan COVID-19 melalui pengesanan kes, kuarantin dan notifikasi serta advokasi.

# Penglibatan Pengamal Perubatan Swasta

1. Meningkatkan penglibatan pengamal perubatan swasta dalam pengurusan kes positif melalui:
  - Mengeluarkan surat perintah pengawasan dan pemerhatian di rumah dan pemakaian gelang pengawasan di bawah Seksyen 6(1), Ordinan Darurat
  - Mengenalpasti kontak rapat dan menasihatkan ke klinik / CAC untuk penilaian risiko kesihatan
  - Tindak susul kes positif secara harian menggunakan kaedah telekonsultasi
  - Pemotongan gelang dan mengeluarkan surat pelepasan kuarantin setelah tamat tempoh kuarantin.

# Penglibatan Pengamal Perubatan Swasta

2. Menggunakan fasiliti kesihatan swasta sebagai pusat pemberian vaksin
  - Pemberian vaksin dos 1 dan 2 kepada individu yang ditetapkan oleh dasar
3. Bertindak sebagai rakan strategik KKM dalam menyampaikan maklumat berkaitan pencegahan dan kawalan COVID-19 kepada pesakit yang mendapatkan rawatan di fasiliti mereka
  - Mewujudkan satu sistem yang menggunakan teknologi ICT terkini untuk penyampaian maklumat yang cepat (*real time*), tepat dan bersasar kepada pengamal perubatan swasta.

# **Kriteria Bagi Pelaksanaan Hso Oleh Pengamal Perubatan Swasta**


Kriteria kes yang memerlukan HSO dan gelang pengawasan:

- i.      kes positif kat 1 dan 2 yang sesuai diberi HSO;
- ii.     kontak kepada kes positif, walaupun tiada keputusan makmal.


Pesakit yang tidak layak diberi HSO dan gelang pengawasan:

- i.      Saringan tempat kerja dan kes tiada gejala dan tiada kontak dengan kes positif;
- ii.     Saringan rutin dan kes tiada gejala dan tiada kontak dengan kes positif;
- iii.    Kes positif COVID-19 yang perlu dirujuk ke hospital, pengamal perubatan perlu memaklumkan kepada PKD berhampiran sekiranya pesakit enggan ke hospital.


# Carta Alir Pengendalian Kes Covid-19 Di Klinik Swasta



# Carta Alir Pengendalian Kes Covid-19 Di Klinik Swasta



# Carta Alir Pengendalian Kes Covid-19 Di Klinik Swasta



# **ISU & CADANGAN**

# **Penyumberluaran semasa Darurat**

***Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2021 @ 14 Jan 2021***

# Arahan dari Jemaah Menteri untuk menetap- kan caj bagi ujian makmal pengesahanan COVID-19

### **Permintaan bagi penggunaan sumber**

4. (1) Bagi tempoh darurat berkuat kuasa, walau apa pun apa-apa peruntukan Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Yang di-Pertuan Agong boleh meminta apa-apa sumber untuk digunakan bagi apa-apa maksud yang Yang di-Pertuan Agong atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Yang di-Pertuan Agong fikirkan perlu.

(2) Yang di-Pertuan Agong atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Yang di-Pertuan Agong boleh memberikan apa-apa arahan berhubung dengan penggunaan, pengurusan dan kawalan sumber kepada orang yang sumbernya diminta.

(3) Yang di-Pertuan Agong atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Yang di-Pertuan Agong boleh memberikan apa-apa arahan berhubung dengan pengenaan apa-apa fi atau caj yang boleh dikenakan oleh orang yang sumbernya diminta di bawah subseksyen (2).

# Penyumberluaran semasa Darurat

Seksyen 4(3): “..... pengenaan apa-apa fi atau caj.....” Ordinan Darurat

## i. Caj ujian makmal

- Kadar mengikut Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Fi bagi Ujian Pengesanan Penyakit Koronavirus (COVID-19)) 2020
- Dibayar oleh pesakit

JADUAL [Peraturan 3]			
FI BAGI UJIAN PENGESANAN COVID-19			
(1) Jenis Ujian Pengesanan COVID-19	(2) Warganegara (RM)	(3) Orang Asing (RM)	
Tindak balas berantai polimerase	150	250	
Kit ujian pantas antigen	60	120	
Kit ujian pantas antibodi	30	60	

# **Penyumberluaran semasa Darurat**

## **ii. Caj melaksanakan HSO**

- Dicadangkan kadar RM10 per pesakit untuk sehari sehingga tamat tempoh HSO.
- *Reimbursement* dari Kerajaan untuk pesakit yang dibuat pemantauan.
- Tuntutan tidak berkaitan dengan COVID-19 hendaklah ditanggung oleh pesakit sendiri.
- Mekanisma akan diperincikan.

# Rujukan Kes

- Pesakit yang disyaki dan disarankan untuk jalani ujian pengesanan COVID-19 oleh pengamal perubatan tetapi tidak mampu membuat bayaran bagi ujian pengesanan.
- Kriteria untuk disyaki
  - Bergejala, atau
  - Kontak rapat, atau
  - Berisiko tinggi.
- Rujuk ke klinik kesihatan terdekat menggunakan mekanisma sedia ada.

# Permohonan Hotline

1. Terdapat permohonan untuk diwujudkan hotline bagi menjawab isu-isu berkaitan Akta 342
  - Talian 013 – 930 0454 (8.00 pagi – 6.00 petang)
  - MMA sebagai focal point GP
2. Dedicated line untuk rujukan kes
  - Rujuk ke CAC atau
  - *Unified Command Centre (UCC)* untuk Lembah Klang sahaja

# **Q & A**

**Terima kasih**